

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran : **MOFE/UPAH/T/2025-1**

Tajuk Tawaran : **TERM CONTRACT (36 MONTHS) JANITORIAL CLEANING/
HOUSEKEEPING WORKS FOR MINISTRY OF FINANCE AND
ECONOMY, BRUNEI DARUSSALAM**

Yuran Tawaran/Dokumen : **B\$100.00 bagi Yuran Tawaran dan B\$5.00 bagi Yuran e-
dokumen (jika pihak penender memerlukan)**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam kerja-kerja **Perkhidmatan Pembersihan / Janitorial Services** sahaja.
2. Syarikat-syarikat hendaklah berdaftar dan mempunyai Sijil Kontraktor daripada Kementerian Pembangunan dan mempunyai lesen **Kategori S 02- Perkhidmatan Pembersihan / Janitorial Services** dan **Kelas II keatas** sahaja.
3. Syarikat-syarikat hendaklah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** pengalaman dalam kerja-kerja perkhidmatan pembersihan / janitorial.
4. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada **Unit Pengurusan Aset dan HSE, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Tingkat 15 - Tower Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan** semasa waktu-waktu bekerja.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan di alamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Peti Tawaran, Tingkat 1
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910**

6. Tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa, 29 April 2025**. Semua Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Yuran Tawaran (*Tender Fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan pembayaran adalah dengan WANG TUNAI sahaja (Wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat di **Unit Perkhidmatan Kewangan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Tingkat 15-Tower Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi** sebelum dokumen tawaran diserahkan, pada hari dan waktu bekerja sahaja. Bayaran yuran dan dokumen tidak akan dikembalikan kepada semua penender yang ikut serta dalam tawaran ini.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
9. Hendaklah membawa Salinan sijil-sijil yang lengkap dan terkini sebelum mendapatkan dokumen tawaran seperti berikut:
 - a. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat
 - b. Salinan Sijil Kontraktor
 - c. Salinan sijil pendaftaran TAP
 - d. Salinan sijil pendapatan cukai
 - e. Senarai-senarai pekerja syarikat beserta jawatan dan gaji
 - f. Salinan AGM meeting
 - g. Senarai projek-projek berkaitan dengan pembersihan yang sedang dan telah dilaksanakan